

Pak Lah bentang bajet berwibawa 10 September

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Bajet 2005 yang akan dibentangkan di Parlimen 10 September ini bercirikan bajet berwibawa dengan tumpuan diberi kepada semua aspek yang ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata Bajet 2005 dianggap penting kerana ia adalah belanjawan pertama yang akan dibentangkan Abdullah selepas menjadi Perdana Menteri serta Menteri Kewangan.

"Ini bajet penting sebab ini bajet pertama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kita.

"Kita harus menyediakan bajet yang berwibawa dan memberi fokus kepada perkara yang telah ditekankan oleh Perdana Menteri," katanya berucap pada perhimpunan bualan Kementerian Kewangan (MOF) di sini, pagi semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan,

Datuk Izzudin Dali.

Abdullah dijangka membentangkan Bajet 2005 di Parlimen pada 10 September ini.

Nor Mohamed sebelum ini dilaporkan berkata, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan dijangka membentangkan satu bajet yang menyeluruh dan menarik.

Ditanya mengenai tarikh dan antara isu kandungan Bajet 2005 yang akan dibentangkan itu, Nor Mohamed dilaporkan berkata, 'bajet kali ini menarik', tetapi enggan mengulas lanjut.

Mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, beliau dilaporkan berkata, kerajaan sedang memperhalus strategi pembangunan dalam tempoh itu supaya lebih bertumpu kepada pembangunan dan rakyat.

Nor Mohamed berkata, Bajet 2005 masih dalam peringkat untuk disiapkan dengan momentumnya mula dirasai kakitangan pelbagai peringkat.

"Ini pun dalam musim bajet... sedang menyiapkan bajet dan ba-

nyak kakitangan saya dapati bekerja begitu rajin, tekun dan bersungguh-sungguh.

"Bukan sehari dua tapi sejak satu atau dua bulan lain dan belum habis lagi Momentumnya sudah bermula dan saya ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang membahtu dalam penyediaan bajet," katanya.

Nor Mohamed berkata, pelantikan Izzudin sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan memberi kelebihan kepada proses penyediaan bajet berikutan pengalaman beliau.

"Dalam melaksanakan bajet ini kita bernasib baik kerana kita dapat kembali Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang baru (Izzudin) yang pernah bertugas di kementerian ini sebagai pegawai bajet.

"Beliau banyak mempunyai pengalaman dan mula bekerja serta memberi sumbangan dalam proses' penyediaan bajet," katanya sambil berharap semua kakitangan akan bekerjasama dengan Izzudin.

Nor Mohamed berkata, penye-



NOR MOHAMED menyampaikan ucapan pada perhimpunan MOF di Putrajaya, semalam. - Gambar Oleh David Khoo

diaan Bajet 2005 perlu dianggap sebagai projek bersama kementerian yang dijayakan kakitangan tanpa mengira jawatan dan peringkat.

"Kita berdoa terhadap Ilahi supaya bajet kali ini akan berjaya seperti bajet tahun-tahun

dahulu," katanya.

Sementara itu, Nor Mohamed berkata, beliau mengamalkan pendekatan atau 'modus operandi' berhubung terus dengan pegawai bertanggungjawab bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan operasi di kementerian.